

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXVI)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA  
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

22. Senaraikan warisan Melayu yang terdapat di Pulau Pinang?
- (a) Adakah warisan-warisan ini diiktiraf oleh kerajaan?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Pulau Pinang merupakan negeri yang kaya dengan kepelbagaian warisan budaya yang masih hidup dan aktif diamalkan oleh rakyat. Interaksi antara rakyat telah kayakan tradisi kaum satu sama lain, dan ini termasuk kepada pembentukan warisan Melayu yang agak unik di negeri kita.

Pihak Kerajaan Negeri juga senantiasa menyediakan pentas untuk komuniti Melayu tempatan dalam membuat persembahan tradisional Melayu termasuk Gamelan, Awang Batil, Seni Silat Gayong, Silat Kapi, persembahan Dikir Barat, dan Boria. Malahan, pihak kerajaan juga memberikan pengiktirafan secara praktikal dalam menyediakan program Jejak Tapak Warisan, termasuk kunjungan ke Masjid Melayu Lebuh Acheh, Masjid Kapitan Keling dan Makam Dato Koyah.

Senarai warisan Melayu yang terdapat di Pulau Pinang berserta status pengiktirafan oleh Kerajaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## SENARAI WARISAN MELAYU YANG TERDAPAT DI PULAU PINANG

| Bil. | Kategori Warisan                                   | Butiran Warisan Melayu   | Pengiktirafan Kerajaan                  |
|------|--|--|---|
| 1.   | Tapak Warisan dan Warisan Kebangsaan               | Masjid Melayu Lebuah Acheh   | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |
| 2.   | Tapak Warisan dan Warisan Kebangsaan               | Masjid Kapitan Keling  | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |
| 3.   | Tapak Warisan dan Warisan Kebangsaan               | Makam Sheikh Omar  | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |
| 4.   | Warisan Kebangsaan Orang Hidup                     | Encik Omar Bin Hashim sebagai Tokoh Boria (2018)   | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |
| 5.   | Warisan Kebangsaan Orang Hidup                     | Encik Mohd Bahroodin Ahmad sebagai Tokoh Bangsawan, Boria, Ronggeng dan Kebudayaan Baba & Nyonya Pulau Pinang (2008). Beliau telah meninggal dunia pada 28 Jun 2008. | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |
| 6.   | Warisan Kebangsaan Orang Hidup                     | Haji Abu Bakar bin Jaafar sebagai Tokoh Boria (2008). Beliau telah meninggal pada 12 September 2008.   | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |
| 7.   | Warisan Kebudayaan Tidak Ketara – Seni Persembahan | Bangsawan (Warisan Kebangsaan, 2007)   | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |
| 8.   | Warisan Kebudayaan Tidak Ketara – Seni Persembahan | Boria (Warisan Kebangsaan, 2009)   | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |
| 9.   | Warisan Kebudayaan Tidak Ketara – Makanan Warisan  | Laksa asam (2009)  | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |
| 10.  | Warisan Kebudayaan Tidak Ketara – Makanan Warisan  | Kari kepala ikan (2009)  | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |
| 11.  | Warisan Kebudayaan Tidak Ketara – Makanan Warisan  | Rojak (2012)   | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |

| Bil. | Kategori Warisan                                  | Butiran Warisan Melayu                                     | Pengiktirafan Kerajaan                  |
|------|---|--|---|
| 12.  | Warisan Kebudayaan Tidak Ketara – Makanan Warisan | Kuih kasidah (2015)  | Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] |
| 13.  | Tapak Warisan                                     | Masjid Jamek Batu Uban                                     | Dalam proses pewartaan.                 |
| 14.  | Tapak Warisan                                     | Masjid Negeri Pulau Pinang                                 | -                                       |
| 15.  | Tapak Warisan                                     | Majlis/Jabatan Agama Islam Pulau Pinang                    | -                                       |
| 16.  | Tapak Warisan                                     | Masjid Jamek Alim Shah Walley                              | -                                       |
| 17.  | Tapak Warisan                                     | Segara Ninda Residence of Ku Din Ku Meh                    | -                                       |
| 18.  | Tapak Warisan                                     | Rumah Teh Bunga (Galeri Melayu Pulau Pinang)               | -                                       |
| 19.  | Tapak Warisan                                     | Kampung Melayu Lama Ayer Itam                              | -                                       |
| 20.  | Tapak Warisan                                     | Masjid Jamek Abdul Rashid                                  | -                                       |
| 21.  | Tapak Warisan                                     | Bangunan Syed Al-Attas                                     | -                                       |
| 22.  | Tapak Warisan                                     | Surau Kubang Semang, Bukit Mertajam                        | -                                       |
| 23.  | Tapak Warisan                                     | Rumah Tuan Hj Othman , Bukit Mertajam                      | -                                       |
| 24.  | Tapak Warisan                                     | Masjid Jamek Haji Abdul Rashid, Jalan Permatang Sungai Dua | -                                       |
| 25.  | Tapak Warisan                                     | Rumah Hashim Kerani Bagan Belat                            | -                                       |
| 26.  | Warisan Kebudayaan Tidak Ketara                   | Seni Persilatan Melayu                                     | -                                       |
| 27.  | Warisan Kebudayaan Tidak Ketara                   | Ghazal Party   | -                                       |